

10 NOV 2000

Mahathir-Lunas

PILIHAN RAYA KECIL LUNAS: BN MUNGKIN LETAK CALON MIC

GURUN, 10 Nov (Bernama) -- Barisan Nasional (BN) mungkin meletak calon daripada MIC untuk bertanding pada pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) kawasan Lunas, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Ada kemungkinan kita akan letak calon dari MIC melainkan jika mereka tak mahu, kita beri kepada parti komponen lain," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Seminar Perkongsian Bijak Pembangunan Negeri Kedah di sini, hari ini.

Beliau berkata perbincangan dengan Presiden MIC Datuk Seri S.Samy Vellu, yang juga Menteri Kerja Raya, akan dilakukan secepat mungkin sebelum memutuskan bakal calon berkenaan.

"Kita siap, kita siap. Banyak orang berminat," kata beliau ketika ditanya pemberita mengenai persiapan BN bagi menghadapi pilihan raya kecil itu.

Pilihan raya kecil itu akan diadakan berikutan kematian penyandanginya Dr Joe Fernandez, yang juga Timbalan Pengerusi MIC Kedah, pada Sabtu lepas. Beliau ditembak mati oleh seorang pembonceng motosikal ketika berada dalam keretanya di persimpangan Jalan Maju-Jalan Harapan di Bukit Mertajam, Pulau Pinang.

Ditanya mengenai kenyataannya dalam ucapan sebelum itu yang menyatakan beliau tidak gembira dengan perkongsian bijak antara kerajaan pusat dengan kerajaan negeri terutama yang berhubung dengan kelulusan sesuatu projek, Perdana Menteri berkata:

"Kadang-kala ia terjadi. Tapi kita usahakan dengan sesuatu sistem baru yang membolehkan kerajaan negeri dan pusat membuat keputusan dengan lebih cepat."

Dr Mahathir berkata mesyuarat bersama Menteri Besar dan Ketua Menteri di ibu negara semalam telah mengenal pasti keperluan untuk mengadakan kerjasama lebih rapat antara kerajaan negeri dan kerajaan persekutuan.

Sementara itu, Perdana Menteri turut menggesa rakyat supaya memberi sokongan kepada usaha kerajaan untuk memelihara dan mengindahkan sungai dengan bersikap selalu menjaga kebersihannya kerana ia sumber bekalan air dan aktiviti lain.

Pagi tadi, Dr Mahathir melancarkan kempen Cintailah Sungai Peringkat Kebangsaan di Ampang Jajar, Alor Setar.

-- BERNAMA

MAN JM NMO